

19/06/2004

`Imbuan bukan matlamat'

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata soal imbuan kewangan tidak pernah timbul dalam fikirannya sebelum beliau menerima pelawaan menjadi penasihat beberapa syarikat dan agensi kerajaan.

Dr Mahathir berkata, persetujuannya untuk menjadi penasihat hanya bermatlamatkan membantu organisasi terbabit mencapai objektif yang difikirnya dapat memberi faedah kepada rakyat.

"Imbuan kewangan tidak pernah diperbincangkan atau terlintas di fikiran Dr Mahathir bahawa sesuatu akan diperoleh daripada jawatan yang disandang," kata kenyataan tiga perenggan yang dikeluarkan oleh pejabatnya di sini, semalam.

Siaran akhbar itu dikeluarkan bagi membetulkan kenyataan beliau yang dilaporkan dalam akhbar tempatan semalam, yang menyebut beliau tidak menerima sesen pun daripada jawatan sebagai penasihat kepada Petroliam Nasional Berhad (Petronas), Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton), Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Lembaga Pembangunan Tioman.

Akhbar tempatan semalam melaporkan, Dr Mahathir menolak anggapan kononnya beliau memperoleh pendapatan lumayan atas kedudukannya sebagai penasihat beberapa syarikat dan agensi.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, apa yang diperolehnya kini hanya bayaran pencen sebagai Perdana Menteri, jawatan yang dipegangnya selama 22 tahun.

Kenyataan itu menyebut, Dr Mahathir menerima sejumlah elaun bulanan bercukai daripada Petronas.

Bagaimanapun, elaun yang diterima lebih kecil daripada kadar ratusan ribu ringgit seperti yang didakwa diterimanya.

"Dr Mahathir tidak menerima gaji atau elaun daripada organisasi lain kecuali Petronas," tambah kenyataan itu.

(END)